

Meningkatkan Nilai UNTUK GENERASI EMAS



Di KWAP, kami percaya bahawa kekayaan, kesejahteraan dan nilai adalah sama penting. Organisasi dan kemahiran kakitangan kami sejajar dengan piawaian dan amalan terbaik agar kami kekal mengikuti perkembangan terkini yang akan meningkatkan nilai bagi pihak berkepentingan dan seterusnya kepada para pesara kami.

02

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

- | | |
|-----------------------|---------|
| - Perkhidmatan Pencen | 21 - 23 |
| - Pengurusan Caruman | 23 - 24 |

Menambah Baik Proses-proses Kami

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Teknologi Maklumat | 25 |
| - Perkhidmatan dan Sokongan Pelaburan | 26 |

Penglibatan dengan Pesara-pesara

- | | |
|---------------------------------|---------|
| - Tanggungjawab Sosial Korporat | 27 - 30 |
| - Anugerah Ikon Pesara | 31 |

- | | |
|--------------------------------|---------|
| Memupuk Kakitangan Kami | 32 - 39 |
|--------------------------------|---------|

KESEJAHTERAAN PIHAK BERKEPENTINGAN

66

KWAP ditubuhkan pada tahun 2007 untuk menguruskan sumbangan dan pelaburan kepada dana ini. Sejak tahun 2015, kami telah mengambil alih beberapa fungsi Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Ini memberikan kami peluang untuk berhubung langsung dengan pihak berkepentingan yang menerima perkhidmatan kami. Kami memikul tugas ini dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab disamping mengambil pelbagai inisiatif bagi membolehkan kami berinteraksi terus dengan pesara dan bakal pesara. Harapan kami juga agar KWAP dapat terus memberi perkhidmatan yang memuaskan serta berjalan dengan lancar dan berkesan.

99

Secara umumnya, tema sepanjang tahun 2019 adalah pelaksanaan inisiatif yang telah memberi penambahbaikan kepada proses dan produktiviti. Dari sudut caruman, KWAP telah meneruskan usaha menambah baik dan mengekalkan perhubungan erat dengan majikan sebagaimana ditunjukkan dari maklumbalas yang diterima dari tinjauan kepuasan perkhidmatan pelanggan tahunan.

JABATAN PERKHIDMATAN PERSARAAN

Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD), yang terletak di Cyberjaya adalah bahagian penting operasi KWAP. Ia adalah jabatan yang mengurus perkara berkaitan dengan pencen, seperti pemprosesan dokumen bagi pesara dan waris baru dan sedia ada, pembayaran ganjaran, pembayaran pencen bulanan, pembayaran balik tuntutan perubatan dan manfaat-manfaat lain sebagaimana diarah oleh Kerajaan. PeSD juga membantu Kerajaan dalam unjuran bajet bagi pencen dan manfaat berkaitan yang lain.

Selain daripada pembayaran manfaat, PeSD juga menyediakan kaunter perkhidmatan bagi pelanggan. Pelanggan boleh mengemukakan permohonan serta menjelaskan sebarang pertanyaan. Pelanggan bukan *walk-in* (datang terus) boleh menghubungi kami melalui pusat panggilan, emel dan aplikasi mudah alih MyPesara.

Pelaksanaan perkhidmatan kami dipantau oleh Pentadbiran Persekutuan, berdasarkan ketepatan masa pembayaran. Kami terus mencatat kejayaan memberangsangkan pada



tahun 2019 dengan mencapai skor Perjanjian Tahap Perkhidmatan sebanyak 98.08%, mengatasi penanda aras 90%. Tahun ini turut menyaksikan peningkatan tahap produktiviti di kalangan kakitangan sebanyak 11.5% dengan 9,343,854 transaksi dilaksanakan, bersamaan dengan 61,880 transaksi bagi setiap kakitangan berbanding 55,518 transaksi bagi setiap kakitangan pada tahun 2018.

Pada tahun 2019, jabatan ini terus merekodkan penambahbaikan kepada produktiviti melalui program Lean termasuk rakan-rakan sekerja di Malaysia Timur untuk membincangkan penambahbaikan operasi KWAP sejajar dengan operasinya.

PROGRAM KECEMERLANGAN PRODUKTIVITI KWAP (KPEX) 3.0

Program KPEX telah dilancarkan pada tahun 2017, memberi fokus kepada peningkatan produktiviti menggunakan *Lean Six Sigma* yang secara asasnya adalah satu set prinsip dan kaedah yang mempromosikan kolaborasi dan penambahbaikan berterusan. Pada masa yang sama, untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih tersusun, kondusif dan menjimatkan kos, kami telah menggunakan prinsip 5S untuk mengenal pasti dan menghapuskan pembaziran dalam proses seharian. Program Lean dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) selaku penasihat program, dan Jabatan Sumber Manusia kami selaku rakan program.



Jumlah transaksi dilaksanakan sebanyak

9,343,854

bersamaan dengan

61,880

transaksi bagi setiap kakitangan berbanding 55,518 urus niaga bagi setiap kakitangan pada tahun 2018.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



KEMUNCIAK PROGRAM LEAN

Pada April 2019, aktiviti ketiga KPEx dengan tema '*Living the High Performance Culture*' (Kehidupan Budaya Berprestasi Tinggi) bermula dengan pelaksanaan audit dalaman 2019 5S yang pertama dan 'Kemuncak Program Lean' yang kedua.

Ia adalah kemuncak lapan bulan usaha pengamal Lean yang telah melalui latihan rapi dalam projek utama pelaksanaan kaedah-kaedah pada Ogos 2018 termasuk Pemetaan Aliran Nilai (VSM) dan Analisis Pembaziran, dan Teknik dan Peralatan Lean.

Di penghujung program, semua kumpulan merumuskan keseluruhan projek dan berkongsi kaedah Lean yang diguna pakai sepanjang program. Pembentangan telah diadili oleh enam Ahli Majlis Lean Sigma dan perunding yang dilantik oleh MPC dimana kemahiran pembentangan pengamal, pengetahuan dan idea inisiatif berinovatif serta pelan kemampunan turut dibuat penilaian.



PENJAJARAN FUNGSI RIE BERSAMA BAHAGIAN PASCA PERKHIDMATAN, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) SABAH DAN SARAWAK

RIE dilaksanakan untuk memberi pencerahan ke atas inisiatif transformasi KWAP dan bagaimana penjajaran boleh dilakukan oleh pihak JPA Sabah dan Sarawak terutamanya dalam konteks penjajaran operasi dan kesediaan mereka terhadap perubahan berkaitan Sistem Pemprosesan Bayaran Pencen (PPPS).

Semasa sesi pertama RIE, pemilik projek KWAP berkongsi tentang setiap inisiatif mereka bersama dengan manfaat dan impaknya. Ia juga adalah sesi interaktif di mana JPA mendapat peluang untuk menerokai dan memahami bagaimana untuk mereplikakan inisiatif yang berkaitan. Dalam sesi seterusnya, PSD Sabah dan Sarawak menggariskan cabaran dan bidang berpotensi untuk penambahbaikan bersama dengan garis masa yang diunjurkan.

RIE diakhiri dengan pembentangan-pembentangan daripada PSD Sabah dan Sarawak dan pembentukan jawatankuasa-jawatankuasa untuk memacu dan memastikan kesinambungan inisiatif tersebut. Melalui platform ini, Bahagian Pasca Perkhidmatan PSD di Putrajaya, Sabah dan Sarawak mempunyai peluang untuk melihat perancangan masa depan KWAP dan akan lebih bersedia untuk menghadapi perubahan akan datang.

PROGRAM PENAMBAHBAIKAN PANTAS (RIE)

Salah satu daripada agenda Inisiatif Perniagaan Perkhidmatan Persaraan 2019 kami adalah untuk mengendalikan Program Penambahbaikan Pantas (RIE) dengan objektif utama untuk:

- 1 **Menjajarkan operasi perkhidmatan persaraan dengan KWAP dan inisiatif strategiknya**
- 2 **Menggabungkannya ke dalam perancangan kesediaan untuk penjajaran operasi dan perubahan teknologi**
- 3 **Bersedia untuk pengurusan perubahan berkaitan dengan Sistem Pemprosesan Pembayaran Pencen (PPPS)**
- 4 **Meningkatkan pengalaman pelanggan**

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



LAWATAN PENANDA ARAS DARIPADA NEGARA-NEGARA AFRIKA

Hasil daripada hubungan erat terbina dengan MPC dalam melaksanakan KPEx, MPC mencadangkan KWAP untuk menjadi sebahagian daripada lawatan menanda aras persekitaran berkualiti 5S di bawah program peningkatan produktiviti untuk negara-negara ketiga dunia. Seramai 14 orang perwakilan dari negara-negara Afrika mewakili pelbagai sektor kerajaan menyertai latihan ini.

Ketika lawatan tersebut, KWAP berkongsi dengan perwakilan tentang perjalanan transformasi perkhidmatan pencen, pengalaman kolaborasi dengan MPC, program produktiviti perkhidmatan pencen dan mengiringi perwakilan pada lawatan rasmi ke beberapa unit terpilih di Jabatan Perkhidmatan Persaraan.

Program ini adalah satu mercu tanda bagi KWAP khususnya bagi perkhidmatan persaraan kerana kami dapat berkongsi pengetahuan dengan negara-negara lain. Tambahan lagi, lawatan ini adalah platform untuk bertukar idea-idea dan pengalaman-pengalaman untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan persaraan dan perkhidmatan lain, memberi KWAP pemahaman tentang proses-proses dan sistem-sistem pencen lain serta bagaimana LEAN dan produktiviti digunakan dan diukur di benua-benua lain.


PENGURUSAN CARUMAN

Caruman daripada kerajaan persekutuan, agensi caruman (KWSP, LTAT dll.) dan kakitangan (badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi) memainkan peranan utama dalam pertumbuhan saiz dana KWAP.


Pada 31 Disember 2019, jumlah caruman yang diterima oleh KWAP adalah sebanyak RM3.14 bilion. Jumlah ini merangkumi RM500 juta daripada kerajaan persekutuan, RM1.35 bilion bahagian pentadbiran kerajaan daripada agensi-caruman dan baki RM1.29 bilion daripada majikan.

Jika dibandingkan dengan tempoh sepadan sebelumnya, jumlah sumbangan adalah lebih rendah sebanyak RM230 juta disebabkan oleh pengurangan sumbangan bahagian daripada kerajaan.


JUMLAH CARUMAN 2017 - 2019




CARUMAN SUKU TAHUNAN PADA TAHUN 2019 MENGIKUT JENIS



BILANGAN KAKITANGAN MENGIKUT KATEGORI



BILANGAN KAKITANGAN MENGIKUT KATEGORI



Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

PENGURUSAN CARUMAN (SAMBUNGAN)

20 PENCARUM TERTINGGI

Bil	Majikan	RM (Juta)
1	Universiti Teknologi Mara	159.57
2	Majlis Amanah Rakyat	92.56
3	Universiti Kebangsaan Malaysia	68.12
4	Universiti Putra Malaysia	43.70
5	Universiti Teknologi Malaysia	42.92
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	40.16
7	Universiti Malaya	36.82
8	Hospital Universiti Sains Malaysia	33.19
9	Universiti Sains Malaysia	31.77
10	Pusat Perubatan Universiti Malaya	28.49
11	Universiti Utara Malaysia	25.63
12	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	24.73
13	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	20.29
14	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	18.86
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	18.52
16	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian	18.12
17	Universiti Malaysia Sarawak	16.63
18	Universiti Malaysia Sabah	16.33
19	Universiti Malaysia Perlis	14.94
20	Lembaga Pertubuhan Peladang Kuala Lumpur	14.70
Jumlah		766.05

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Jabatan Caruman pada tahun 2019 memfokus kepada menambah baik operasi dan pengurusan caruman pencen. Program penyusunan semula proses urus niaga melibatkan kajian semula fungsi utama sedia ada, proses digitalisasi dan sumber manusia yang dilakukan untuk meningkatkan keupayaan operasi.



Lanjutan dari tahun-tahun sebelumnya, majikan digalakkan untuk menghantar caruman mereka melalui pindahan dana elektronik (EFT). Pada 31 Disember 2019, 416 majikan (87% daripada jumlah keseluruhan) telah menggunakan kemudahan pembayaran EFT.

Tinjauan Kepuasan Pelanggan telah dijalankan pada Ogos 2019 untuk mengukur tahap kepuasan majikan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh KWAP. Jabatan Caruman mencapai skor 78%, yang dianggap "Baik".

Empat sesi Bengkel Majikan telah dikendalikan pada tahun 2019 dengan jumlah penyertaan majikan-majikan sebanyak 81 dan 184 peserta. Objektif bengkel ini adalah untuk menyediakan majikan tentang pelbagai bidang caruman dan untuk merapatkan jurang operasi antara majikan dan KWAP. Jabatan Caruman mencatat skor 4.55 daripada 5.00 (91%) dalam tinjauan bengkel.

Sebanyak 105 penglibatan dan lawatan penguatkuasaan pematuhan ke pelbagai kementerian, setiausaha negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi diadakan sepanjang tahun untuk mewujudkan kesedaran tentang Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. Nombor 12/2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan Pemberhentian Pinjaman, Pemindahan Sementara dan Tetap.



4 Bengkel Majikan



Jumlah penyertaan seramai
81 majikan dan
184 peserta



Jumlah lawatan
penglibatan dan penguatkuasaan
ke pelbagai kementerian, setiausaha negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi sebanyak **105**

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



TEKNOLOGI MAKLUMAT

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan pada tahun 2019 untuk menambah baik sistem IT KWAP. Ini termasuk peningkatan sistem keselamatan IT, penyebaran sistem perniagaan baru serta peningkatan infrastruktur IT yang sedia ada secara keseluruhan. Untuk keselamatan IT, sistem Pemantauan Aktiviti Pangkalan Data (DAM) digunakan untuk mengukuhkan pemantauan dan pengesanan aktiviti pangkalan data, di mana pangkalan data sistem perniagaan akan diaudit dan dilindungi secara serentak. DAM akan mengumpul, memantau, menganalisis dan melapor aktiviti-aktiviti tersebut dan ini dapat memberikan penglihatan yang lebih baik ke dalam trafik rangkaian sistem perniagaan. Selain itu, ciri *Data Leakage Protection* (DLP) yang terdapat di DAM akan menangani masalah keselamatan lain yang berkaitan dengan aktiviti pangkalan data ini.

Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran semua kakitangan ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai keselamatan IT dan siber, Program Kesedaran Keselamatan selama sebulan dijalankan oleh pasukan Tadbir Urus IT dengan pelbagai aktiviti termasuk forum, kuiz, filem dan raancangan bual bicara secara interaktif.

Melalui usaha kami secara berterusan dalam penambahbaikan proses automasi dan prosesnya, dua proses IT telah diautomasikan pada tahun 2019. Proses pertama adalah automasi akses dan pengurusan pengguna melalui perolehan dan pelaksanaan penyelesaian *Privilege Access Management* (PAM). Penyelesaian PAM membolehkan kakitangan Keselamatan IT untuk mengawal akses dan kata laluan pentadbir sistem dengan lebih baik di samping membolehkan pemantauan pengguna khas dan pentadbir lain melalui dalam talian.

Sementara itu, pemasangan penyelesaian *Enterprise Patch Management* (EPPM) mengautomasikan pemasangan *patch* dan membolehkan pengedaran perisian pusat di pelbagai platform.

Dari segi sistem perniagaan, penambahbaikan dilakukan terhadap Sistem Ekuiti Persendirian, *Integrated Contribution Management System* (ICMS), Sistem Perakaunan Kewangan dan Portal Intranet untuk meningkatkan kecekapan operasi. Di samping itu, Penyelesaian Pelaporan Caruman baru telah dibangunkan secara dalaman untuk melengkapkan ICMS dan menghentikan pelaporan manual lain.

Demi mendapatkan pandangan yang lebih baik mengenai data dan perniagaannya sehingga dapat membuat keputusan yang lebih baik, KWAP melaksanakan *Enterprise Datawarehouse* (EDW) di mana maklumat dan data dapat diakses di seluruh organisasi bagi tujuan analisis dan pengukuran prestasi. Pelaksanaan ini dengan pantasnya memanfaatkan *Integrated Investment Dashboard* (IID) dan akan menjadi selaras dengan projek Sistem Maklumat Pengurusan (MIS).

66

Penyelesaian Sandaran dan Pemulihan yang baru juga diperolehi dan digunakan untuk memastikan bahawa infrastruktur IT yang menyokong kesinambungan perniagaan KWAP tetap kukuh.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

JABATAN PERKHIDMATAN SOKONGAN PELABURAN

Jabatan Perkhidmatan Sokongan Pelaburan (ISSD) adalah sebuah jabatan Operasi KWAP. Fungsi jabatan merangkumi *middle office* dan *back office* dan tanggungjawab utama adalah untuk menyokong aktiviti perniagaan dijalankan oleh pelbagai jabatan *front office* KWAP dan syarikat subsidiarinya; Pendapatan Tetap, Ekuiti, Pelaburan Alternatif, Prima Ekuiti (UK) Limited dan KWEST Sdn. Bhd. Fungsi-fungsi ISSD termasuk penjelasan & penyelesaian pembayaran, pengurusan penjagaan bersama dengan rekod penyelenggaraan termasuk perlindungan dan pengurusan rujukan.

Ini adalah fungsi teras operasi pelaburan dan matlamat utamanya adalah untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi. Ini adalah untuk memastikan perkhidmatan menepati masa, cekap dan berkesan disediakan untuk penjelasan dan penyelesaian pelaburan, pengurusan perkhidmatan perlindungan ke atas pelaburan yang dipegang dan pengurusan data ke atas rujukan dan maklumat pihak ketiga.

Pada tahun 2019, ISSD telah berjaya menyempurnakan beberapa inisiatif utama yang dipercayai akan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pihak berkepentingan:-



PELANGGANAN SISTEM EKUITI PERSENDIRIAN BAGI BAUCER PEMBAYARAN, BAUCER RESIT DAN BUTIRAN PELBAGAI AKAUN BANK

Inisiatif ini dilaksanakan untuk menambah baik proses operasi dengan meningkatkan Sistem Ekuiti Persendirian agar boleh menjana Baucer-baucer Pembayaran dan Resit serta mengekalkan pelbagai butiran akaun bank pihak terbabit. Inisiatif ini berjaya dilaksanakan pada 2 Disember 2019.



PENUBUHAN UNIT/FUNGSI PEMANTAUAN KOLATERAL DALAM ISSD

Rasional menubuhkan pengurusan kolateral adalah untuk membangunkan pengurusan cekap dan berstruktur dan memantau operasi harian aktiviti kolateral pelaburan antara jabatan pelaburan dan perkhidmatan sokongan pelaburan. Pemprosesan kolateral yang lancar dalam organisasi memerlukan kakitangan yang cekap yang memahami komponen dan proses yang membawa kepada pemprosesan selamat dan terjamin selain daripada peka kepada kesulitan yang boleh menyebabkan pendedahan risiko tidak diingini.

Tambahan lagi, ia membantu KWAP untuk mengenal pasti peluang dan ruang, membolehkan kami untuk berterusan menambah baik proses dan mendukung tadbir urus yang baik sejajar dengan amalan terbaik pasaran. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan jayanya pada Ogos 2019.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

66

Program ini bertujuan untuk memperkasa dan melibatkan kakitangan dengan memupuk semangat sukarelawan dan menggalakkan kerja kebajikan.

99

KASIH KWAP

KWAP menyambut bulan mulia Ramadhan pada tahun 2019 dengan memulakan beberapa siri inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) melalui KASIH KWAP, berbagai-bagai inisiatif terdiri daripada empat program penglibatan dan kutipan derma. Kasih KWAP dijalankan untuk membantu golongan yang memerlukan ketika bulan puasa dan dalam persediaan untuk sambutan Aidil Fitri. Di peringkat dalaman, program ini bertujuan untuk memperkasa dan melibatkan kakitangan dengan memupuk semangat sukarelawan dan menggalakkan kerja kebajikan.

Pada tahun ini Kasih KWAP bekerjasama dengan lima komuniti berbeza dalam siri inisiatif kebajikan selama sebulan yang merangkumi anak yatim, warga emas, komuniti kurang berkemampuan (asnaf) dengan fokus khas kepada pihak berkepentingan utama, iaitu para pesara dan bakal pesara.



4

inisiatif dijalankan sepanjang bulan Ramadan di bawah program Kasih KWAP



Seramai

165

sukarelawan KWAP mengambil bahagian dalam Kasih KWAP



Lebih

2,500

bungkusan Bubur Lambuk diedarkan di

2

lokasi berbeza

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan



► IHYA RAMADHAN - PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK

Program Ihya Ramadhan Kasih KWAP telah diadakan pada 24 Mei 2019 di Masjid Bandar Seri Putra, Bangi yang disertai oleh 60 sukarelawan KWAP. Program sehari ini telah diadakan untuk meraikan Ramadan dengan para peserta berpendapatan rendah dan komuniti asnaf melalui pelbagai aktiviti. 28 sukarelawan KWAP bekerjasama untuk menyediakan 1,500 bungkus Bubur Lambuk yang kemudiannya diagihkan kepada komuniti di sekitar Masjid. Persediaan Bubur Lambuk diketuai oleh tiga orang tukang masak profesional daripada Pertubuhan Kulinari Amal Selangor (Merci Culinary).

Program lain yang dijalankan termasuk solat berjemaah, Iftar serta Moreh. Sesi Tazkirah dikendalikan oleh Ustaz Abdullah Khairi dan Ustaz Daud Che Ngah yang masing-masing diadakan selepas solat Asar dan Maghrib.



► PENGAGIHAN BUBUR LAMBUK DI MASJID AL-HASANAH

Program seterusnya adalah sesi pengagihan Bubur Lambuk yang diadakan pada hari berikutnya di Masjid Al-Hasanah, Bangi. Sukarelawan KWAP membantu dalam penyediaan dan pengedaran 1,200 bungkus Bubur Lambuk. Pengagihan bermula selepas solat zohor secara pandu lalu.



► LAWATAN KE RUMAH EHSAN

Program Kasih KWAP diakhiri dengan lawatan ke Rumah Ehsan, rumah bagi golongan emas di Kuala Kubu Bharu, Selangor pada 29 Mei 2019. Program ini menyaksikan sukarelawan KWAP meraikan 70 penghuni warga emas di Rumah Ehsan. Beg cenderamata Ramadan telah diagihkan dan penghuni merasa terhibur dengan kehadiran sukarelawan. Barangan keperluan, bakul diisi pelbagai barang dan bantuan kewangan diserahkan kepada rumah tersebut dalam persediaan untuk Hari Raya Aidilfitri.

Program Kasih KWAP yang bermula pada tahun 2014 adalah cabang inisiatif CSR KWAP dalam bentuk sumbangan dan sukarelawan. KWAP merasa teruja dengan peluang untuk membawa keceriaan kepada komuniti yang memerlukan di masa hadapan.

Di masa hadapan, KWAP juga berhasrat untuk terus memberi impak kepada masyarakat melalui pelbagai inisiatif CSR sebagai bentuk penglibatan, dengan harapan untuk memupuk semangat sukarelawan di kalangan kakitangan bagi memberi keceriaan kepada golongan yang memerlukan.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

INISIATIF RASA SAYANG

Dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, KWAP melancarkan inisiatif Rasa Sayang pertama di klinik-klinik kerajaan terpilih di Lembah Klang. Inisiatif ini diadakan dari 26 Ogos sehingga 18 September 2019, bertujuan untuk mendekati mereka dan berkongsi tentang peranan dan fungsi KWAP, disamping mempromosikan Karnival Rasa Sayang serta memberi kesedaran tentang perkhidmatan yang diberikan oleh KWAP termasuk Aplikasi Mudah Alih MyPesara.

**26-27
OGOS**

**Klinik Kesihatan
Sungai Buloh**

**3-5
SEPTEMBER**

**Klinik Kesihatan
Kuala Lumpur**

**17-18
SEPTEMBER**

**Klinik Kesihatan
Kelana Jaya**

Ketiga-tiga klinik ini telah dipilih kerana menerima bilangan lawatan tertinggi daripada para pesara dan warga emas setiap hari.

Seramai 108 kakitangan KWAP menjadi sukarelawan untuk mengendalikan gerai, membawa golongan warga tua dari tempat letak kereta luar ke pintu masuk dan mengagihkan snek menyihatkan. Tinjauan juga dijalankan dalam kalangan para pesara untuk memahami lebih lanjut tentang keperluan dan keutamaan untuk alam persaraan dan penuaan produktif mereka.



66

Objektif program larian ini adalah untuk menggalakkan para pesara untuk kekal aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

99

LARIAN RASA SAYANG

KWAP menganjurkan larian pertamanya, Larian Rasa Sayang, pada 5 Oktober 2019 bagi memulakan acara selama dua hari Karnival Rasa Sayang di Stadium Shah Alam, Selangor. Objektif larian ini adalah untuk menggalakkan para pesara untuk kekal aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Program yang terbuka kepada orang awam ini mempunyai tiga kategori iaitu 10km, 5km dan 2km. Sesi memanaskan badan selama 30 minit diketuai oleh pakar kecergasan terkenal, Kevin Zahri sebelum pelepasan di garis permulaan bagi setiap kategori larian oleh pihak pengurusan kanan KWAP. Ia menerima sambutan yang menggalakkan dengan lebih daripada 3,000 orang penyertaan daripada semua peringkat usia termasuk lebih 200 para pesara.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

KARNIVAL RASA SAYANG

/Iham. Inspirasi. Interaksi.

Slogan yang sinonim dengan Karnival Rasa Sayang KWAP

Karnival Rasa Sayang (KRS) KWAP yang kedua diadakan pada 5 dan 6 Oktober 2019 di Stadium Shah Alam dan menerima hampir 4,500 pengunjung sepanjang dua hari program berlangsung. KRS adalah karnival terangkum yang mengalu-alukan pelawat daripada semua peringkat umur dengan fokus kepada mempromosikan kesediaan persaraan dan penuaan produktif.

Karnival ini menawarkan idea tentang bagaimana melaksanakan pendekatan holistik untuk perancangan persaraan disasarkan kepada para pesara, bakal pesara dan orang di sekeliling mereka. Ia memfokus kepada tiga aspek baru iaitu hobi, pelancongan dan gaya hidup serta kerjaya untuk melengkapkan lima tunggak utama. KRS dibangunkan untuk mewujudkan persaraan aktif dan bermakna, dari segi kewangan, kesihatan, sosial, alam sekitar dan psikologi.



Karnival ini dilancarkan oleh Pengerusi KWAP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir yang juga Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Kementerian Kewangan. Hampir 200 kakitangan KWAP telah menjadi sukarelawan di program yang telah dilaksanakan dengan jayanya oleh KWAP. Ia juga menyaksikan penyertaan lebih daripada 40 rakan kongsi strategik termasuk Hire.Seniors Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan beberapa rakan dagang daripada aplikasi mudah alih KWAP, MyPesara untuk mewakili setiap teras yang diketengahkan.

Beberapa aktiviti seperti bengkel, ceramah, gerai pameran, aktiviti kanak-kanak, persembahan secara langsung dan program-program di lapangan diadakan sepanjang karnival untuk melibatkan para pesara dan ahli keluarga mereka. Antara sorotan di karnival tersebut adalah:

- ▶ Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Hire.Seniors dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memenuhi keperluan para pesara yang berminat untuk memulakan kerjaya selepas persaraan atau peluang keusahawanan.
- ▶ Aktiviti-aktiviti yang santai daripada Biji-Biji Initiative dan The Hive yang mengendalikan bengkel untuk golongan yang ingin mengisi persaraan mereka dengan hobi baru.
- ▶ Sesi perkongsian pengetahuan oleh Polis Diraja Malaysia tentang kesedaran siber dan perancangan kewangan untuk mendidik para pesara tentang kepentingan berwaspada dan tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa jenayah siber.
- ▶ Ceramah kesihatan oleh Kementerian Kesihatan, Hospital Rehabilitasi Cheras dan KPJ Healthcare yang menekankan amalan hidup sihat.
- ▶ Demonstrasi masakan sihat oleh Dato' Fazley Yaacob dan kecergasan oleh Kevin Zahri.

KWAP telah mengadakan gerai pameran untuk para pesara yang ingin mengemaskini maklumat peribadi, pencetakan kad dan penyata pencen serta menjawab soalan berkenaan pembayaran pencen. Tambahan lagi, sukarelawan KWAP sedia menjawab soalan mengenai perkhidmatan KWAP di samping meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber sepanjang karnival tersebut.

Terdapat juga zon khusus untuk aplikasi mudah alih MyPesara yang membolehkan para pengunjung untuk memuat turun dan mempelajari ciri-ciri yang terdapat dalam aplikasi tersebut. Ciri-ciri mudah alih memberi maklumat terkini kepada pengguna tentang hal-hal berkaitan pencen dan perkhidmatan-perkhidmatan baru oleh rakan dagang seperti AEON and Mydin di samping membenarkan mereka menerokai perkhidmatan kewangan dan kesihatan. Selain daripada mewujudkan kesedaran dan mendidik para pesara dan pengunjung, karnival ini juga mempunyai aktiviti untuk semua golongan usia seperti persembahan secara langsung, kendera saji, bazar, aktiviti dan permainan kanak-kanak.

Kesejahteraan Pihak Berkepentingan

ANUGERAH IKON PESARA

Anugerah Ikon Pesara (AIP) adalah anugerah yang diperkenalkan oleh KWAP untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan sektor awam para pesara dalam bidang pendidikan, sosial dan pembangunan komuniti, dan pembangunan masyarakat dan komuniti dan keusahawanan. Objektif anugerah itu adalah untuk mengenal pasti para pesara yang telah memberi impak signifikan dalam tiga bidang dan pada masa yang sama turut menggalakkan penuaan produktif dan persaraan aktif.

AIP yang diadakan buat julung kalinya untuk para pesara perkhidmatan awam Malaysia yang berusia 55 tahun ke atas, menerima sebanyak 66 pencalonan. Pemenang AIP 2019 adalah Sariah Amirin, yang telah diberi pengiktirafan atas sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan. Sebagai pengasas dan Presiden Persatuan Dyslexia Malaysia, beliau telah memberi impak positif kepada ribuan pelajar disleksia melalui beberapa buah pusat dan penerbitan disleksia beliau.

Bermula dengan hanya tiga bulan program intensif untuk enam orang kanak-kanak disleksia, Sariah kini mempunyai lebih daripada 600 pelajar di 15 pusat disleksia di seluruh negara. Selain daripada menulis 10 buah buku dalam Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah disleksia, Sariah juga membantu ibu bapa untuk menghadapi anak-anak disleksia di rumah. Sebagai pemenang anugerah, Sariah memenangi pakej melancong bernilai RM15,000, wang tunai RM3,000, trofi "Ikon Pesara" dan sijil penyertaan.

Usaha Sariah dalam sektor Pendidikan memenuhi kriteria anugerah yang memerlukan sumbangan minimum satu tahun dalam Pendidikan sebelum pencalonan. Ia juga memerlukan peserta untuk membangunkan kurikulum atau sumber dan perkhidmatan yang menambahkan proses pembelajaran dan akses pendidikan bagi komuniti terpinggir. Penambahbaikan proses pembelajaran boleh dicapai melalui kaedah pengajaran inovatif peserta atau membiayai biasiswa yang boleh memberi motivasi atau inspirasi kepada para pelajar.

Sembilan orang pesara telah diumumkan sebagai pemenang saguhati dan dipilih atas sumbangan mereka untuk pembangunan pendidikan, sosial & pembangunan komuniti, dan keusahawanan. Mereka menerima wang tunai RM500 setiap seorang selain daripada trofi dan sijil penyertaan. Hadiah-hadiah disampaikan di Karnival Rasa Sayang 2019 di Shah Alam, Selangor.

Pemenang-pemenang dipilih oleh panel hakim yang seperti berikut:



- ▶ **Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Lee Lam Thye** – Ketua hakim adalah wakil bebas untuk memastikan ketelusan dan keadilan. Tan Sri Lee dilantik sebagai ketua hakim disebabkan oleh pengalaman luas yang diperolehi daripada pelbagai peranan yang dipegang oleh beliau seperti Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) di Kementerian Sumber Manusia Timbalan Pengerusi dan Pegawai Eksekutif Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan Pengerusi Lembaga Amanah Yayasan S P Setia.
- ▶ **Datuk Teo Khian How** (Pengaruh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam) – Datuk Teo adalah wakil daripada Jabatan Perkhidmatan Awam.
- ▶ **Prof. Dato' Dr. Tengku Aizan Hamid** – (Pengaruh MyAgeing, Universiti Putra Malaysia) – Beliau terlibat dalam menghasilkan Laporan MyAgeing yang berusaha untuk memahami tahap dan proses penuaan berkaitan dengan persaraan.

MEMUPUK KAKITANGAN KAMI

66

KWAP mengiktiraf kakitangannya sebagai aset paling berharga. Dengan penglibatan mereka dalam setiap aspek organisasi, kami sedar pentingnya untuk membuat pelaburan secara berterusan dan konsisten untuk menyerlahkan potensi mereka. Ia bukan hanya akan meningkatkan keupayaan kami malah memastikan objektif perniagaan akan dilaksanakan dengan jayanya.

99

Kami membuat pelaburan untuk kakitangan melalui pelbagai program latihan dan pembangunan dan dalam masa yang sama kami memberi perhatian kepada aspek penglibatan. Kami percaya bahawa penglibatan dengan kakitangan akan menggalakkan mereka di samping memberikan pemerksaan dan cintakan organisasi.

MENINGKATKAN KEMAHIRAN TENAGA KERJA KAMI



PEMBANGUNAN BAKAT: PROGRAM BIMBINGAN BERKUMPULAN

KWAP telah lama memupuk dan mengamalkan budaya bimbingan untuk melibatkan dan berkomunikasi secara berkesan berhubung pembangunan peribadi dan professional di kalangan kakitangan. Setakat ini, sesi bimbingan telah berjaya dilaksanakan bagi perancangan pewarisan, bimbingan prestasi, membangunkan kumpulan bakat, dan pelan pembangunan individu.

Pada tahun 2019, lingkungan bimbingan telah diperluaskan untuk membolehkan lebih ramai kakitangan untuk mendapat manfaat daripada bimbingan dalaman dan perkongsian pengalaman rakan sekerja. Pada tahun ini, Program Bimbingan Berkumpulan telah diwujudkan dengan sekumpulan 20 orang kakitangan peringkat pengurusan pertengahan diberikan latihan tentang kemahiran bimbingan berkumpulan. Mereka pula kemudian mengendalikan sesi bimbingan untuk 58 orang kakitangan bukan eksekutif dan eksekutif.

Usaha ini telah membuahkan hasil dan mencapai objektif dengan 89% kakitangan yang mengambil bahagian percaya bahawa program ini patut diteruskan dan diperluaskan untuk memberi manfaat kepada kakitangan lain. Secara keseluruhan, jurulatih berkumpulan memperoleh penarafan kecekapan dan keberkesanan sebanyak 87.5% dalam mengamalkan bimbingan berkumpulan untuk kakitangan. Objektifnya adalah untuk mengukuhkan keupayaan kepimpinan dan menggalakkan budaya komunikasi terbuka dan produktif pada semua peringkat di KWAP.



SEMAKAN SKIM BANTUAN PENDIDIKAN (EAS)

Mengambil kira Revolusi Industri Keempat, landskap pekerjaan dijangka akan berubah dengan pantas, mentransformasi profil kerja semasa dan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi permintaan masa depan.

Oleh itu, untuk menghadapi perubahan-perubahan ini, pada tahun 2019, kami menambahbaik Skim Bantuan Pendidikan KWAP untuk memberikan laluan pembelajaran mantap dan penghasilan tenaga kerja dengan pelbagai kemahiran. Skim Bantuan Pendidikan adalah salah satu daripada manfaat kakitangan KWAP yang membolehkan kakitangan untuk mengambil kursus pengajian tinggi dan pensijilan dalam bidang yang menyokong pembelajaran seumur hidup, mempelbagai dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja kami. Skim yang telah disemak semula ini bertujuan untuk menjadi pemangkin bagi menggalakkan kakitangan untuk meningkatkan kemahiran mereka dan bersedia untuk masa depan.

Dengan pelaksanaan skim ini, kami merekodkan peningkatan dalam pendaftaran untuk pensijilan dan pengajian tinggi sebanyak 89%.

Memupuk Kakitangan Kami



INDUSTRI PENCEN DAN LATIHAN TEKNIKAL

Kami akan terus merangka dan mengendalikan latihan berkaitan pencen untuk KWAP, khususnya untuk kakitangan Jabatan Perkhidmatan Persaraan (PeSD) selaras dengan hasrat kami untuk membentuk pakar dalam bidang pencen di masa hadapan. Program-program latihan ini akan memastikan bahawa kakitangan di PeSD dilengkapi secukupnya dengan pengetahuan teknikal untuk menjalankan tugas harian mereka.


Pada tahun ini, dua program yang direka, dibangunkan dan dihasilkan oleh bakat dalaman kami telah berjaya dilancarkan.

- *The Deeper Truth* - fokus pada pelarasan dan pengiraan pencen
- *The Ins and Outs of Derivatives Pension* - fokus kepada pemprosesan bayaran pencen untuk penerima pencen derivatif bagi pesara-pesara yang telah meninggal dunia.

Ini menjadikan jumlah program direka secara dalaman kepada empat.


Tambahan lagi, dua program dalaman lain dianjurkan dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia, bertajuk Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan; dan Institut Perakaunan Negara di bawah Jabatan Akauntan Negara bertajuk *iGFMAS: An Awareness Programme*.

HARI PEMBELAJARAN MENGIKUT KATEGORI KAKITANGAN




- Pengurusan Atas (Pegarah & ke atas)
- Pengurusan Kanan (VP)
- Pengurusan Pertengahan (AVP)
- Pengurusan Rendah (Eksekutif Kanan & Eksekutif)
- Bukan Eksekutif

HARI PEMBELAJARAN DIHADIRI MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



- Kepimpinan & Pengurusan
- Program Pembangunan Fungsi Teknikal
- Program Pembangunan Kemahiran Insani
- Nilai, Budaya & Motivasi

PERBELANJAAN BAJET LATIHAN MENGIKUT KATEGORI PROGRAM



- Kepimpinan & Pengurusan
- Program Pembangunan Fungsi Teknikal
- Program Pembangunan Kemahiran Insani
- Nilai, Budaya & Motivasi

Memupuk Kakitangan Kami

66

Pada tahun 2019, *Home Run to Health* (HARTH) KWAP diperkenalkan sebagai tema utama untuk aktiviti-aktiviti penglibatan kakitangan. HARTH adalah program kesejahteraan selama setahun yang menyokong inisiatif kesejahteraan kakitangan secara keseluruhannya. Program kesihatan termasuk pelbagai aktiviti, bengkel, ceramah yang sejajar dengan empat elemen utama dalam mencapai kesejahteraan holistik iaitu; kecergasan, kesihatan mental, pemakanan dan kesihatan kewangan. Tema khusus dan aktiviti-aktiviti berkaitan dirancang bagi setiap suku tahun.

99



PENGLIBATAN KAKITANGAN – HOME RUN TO HEALTH (HARTH) KWAP

Pada suku tahunan pertama tahun ini, HARTH memberi fokus tentang kesedaran kepada kesihatan dari segi kecergasan dan fizikal kakitangan kami. Pada suku tahun kedua, penekanan adalah kepada peningkatan isu semasa kesihatan mental dan suku tahun ketiga menyentuh tentang masalah asas dalam masyarakat iaitu pemakanan. Pada penutup suku tahun keempat, tema terakhir HARTH memberi fokus kepada perancangan kewangan.

Untuk melengkapkan program, HARTH juga memperkenalkan pertandingan kesihatan dan kecergasan selama 8 bulan untuk kakitangan KWAP. Empat puluh orang kakitangan mengambil bahagian dan sebagai hasilnya, para peserta menunjukkan penambahbaikan ketara pada tahap kesihatan dan kecergasan pada penghujung pertandingan.

Empat elemen utama dalam mencapai kesejahteraan holistik seseorang, iaitu:

KECERGASAN



KESIHATAN MENTAL



PEMAKANAN



KESIHATAN KEWANGAN

Memupuk Kakitangan Kami

Secara keseluruhan, sebanyak 13 aktiviti telah dikendalikan di bawah program HRTH. Senarai aktiviti adalah seperti berikut:

01 MAJLIS PEMBUKAAN HOME RUN TO HEALTH DISERTAKAN BERSAMA IKRAR OLEH PENGURUSAN ATASAN



Bagi membuka tirai HRTH, program selama setahun ini memberi fokus kepada kesihatan dan kesejahteraan melalui aktiviti penglibatan.

02 PESTA PEMERIKSAAN KESIHATAN



Kempen kesedaran kesihatan dengan sokongan lebih daripada 20 orang penyedia perkhidmatan kesihatan di Malaysia bersedia untuk memberikan pemeriksaan kesihatan percuma kepada kakitangan KWAP. Kempen ini menandakan permulaan program HRTH dengan tujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan fizikal di kalangan kakitangan KWAP.

03 TEMPAT KERJA & HARI KAD LAPORAN KESIHATAN



Program satu hari bersama pakar kesihatan bertauliah bersedia untuk membuat rumusan keputusan Pemeriksaan Kesihatan Perubatan kakitangan. Pelbagai diskaun ditawarkan juga untuk buah-buahan dan sayur-sayuran untuk dibeli dan dinikmati oleh kakitangan KWAP.

04 FIT POSSIBLE (PERTANDINGAN SIHAT SELAMA 8 BULAN)



Fit Possible adalah program intervensi kesihatan yang bertujuan untuk memudahkan dan memberi motivasi kepada peserta untuk meningkatkan tahap kesihatan mereka. Keunikan program ini adalah ia mengukur kesihatan peserta termasuk jisim tubuh, aras glukos, jisim otot & berat badan/BMI.

05 RUANG UNTUK MENYUMBANG



Gerei pameran dibuka untuk mendedahkan kakitangan kepada pelbagai produk baharu oleh pengusaha sosial.

06 OMG: OH MUKA GIRANG!: CERAMAH PENGURUSAN TEKANAN



Ceramah untuk memperkenalkan kakitangan kepada cara untuk mengurus tekanan melalui pembinaan blok serta mengurus golongan yang menghadapi tekanan untuk mengelak konflik di tempat kerja.

Memupuk Kakitangan Kami

Secara keseluruhan, 13 aktiviti-aktiviti telah dijalankan di bawah tunggak HRTH. Senarai aktiviti adalah seperti berikut:

07

CERAMAH HIPNOTERAPI



KWAP telah bekerjasama dengan Eunoia dengan menjemput pakar hipnoterapi klinikal bertauliah yang memberi fokus kepada kaedah baru mengatasi tekanan/kemurungan melalui hipnoterapi.

08

KARNIVAL NUTRI-LICIOUS



Dengan kerjasama *Lushbowl* dan Persatuan Dietitian Malaysia (MDS), karnival ini bertujuan untuk mendidik kakitangan tentang kepentingan untuk pengambilan nutrisi dan diet seimbang ke arah kesejahteraan kesihatan.

09

KARNIVAL MINDORPHIN



Karnival Mindorphin diperkenalkan dengan tujuan untuk membetulkan stigma isu kesihatan mental di kalangan kakitangan KWAP. Karnival ini mewujudkan asas penggalakkan endorfin bagi minda yang lebih sihat. Beberapa permainan yang menarik dan menyeronokkan diketengahkan ketika karnival untuk mempromosi kesedaran isu kesihatan mental.

10

POCKET SURVIVAL QUEST



20 penyedia perkhidmatan kewangan Malaysia telah disediakan untuk mempromosi celik kewangan dalam kalangan kakitangan KWAP.

11

CERAMAH NUTRISI LOVE FOOD? ME TOO!



- Tetamu istimewa : Chef Goo Chui Hoong (Memenangi Anugerah untuk pemakanan sihat)
- Belajar seni kesederhanaan dan tip penyediaan makanan untuk golongan pekerja

12

BANK NEGARA – CERAMAH PENIPUAN KEWANGAN



Ceramah istimewa untuk mendidik kakitangan KWAP tentang kepentingan kewangan dan kesedaran tentang penipuan kewangan yang semakin meningkat.

13

TOCLAN ASIA – PENANAMAN HIDROPONIK UNTUK KESEJAHTERAAN KEWANGAN



Belajar tip dan kemahiran menanam pokok hidroponik di rumah yang memberi manfaat penjimatan dan jaminan kewangan.

Memupuk Kakitangan Kami

BINA PASUKAN 2019

2 SESI

Program bina pasukan di Thistle Port Dickson pada March dan April 2019; dengan

473 kakitangan menyertai dan mengamalkan nilai teras KWAP melalui pengalaman bina pasukan.

Bina pasukan termasuk persembahan berkumpulan disertai oleh semua peringkat kakitangan.

Persembahan menonjolkan

NILAI-NILAI KUKUH

seperti kerja berpasukan, kreativiti dan kolaborasi di kalangan kakitangan KWAP.

Objektif bina pasukan adalah untuk

MENGUKUHKAN KEKUATAN KERJA BERPASUKAN

melalui pembudayaan nilai teras yang ditanamkan dalam aktiviti-aktiviti pembinaan pasukan, bertujuan untuk meningkatkan budaya yang diinginkan dan penglibatan kakitangan di tempat kerja.

kakitangan memberi penarafan

program sebanyak **80%** bagi memenuhi objektif memupuk kerja berpasukan dan nilai-nilai yang diterjemah kepada budaya kerja.



Memupuk Kakitangan Kami

KWAP mengambil seramai 610 orang kakitangan yang telah berkhidmat secara purata 4.5 tahun setiap orang. Sebagai organisasi yang secara relatifnya masih muda, dengan purata kakitangan berumur 34 tahun, hampir 80% daripada kakitangan kami berusia 40 tahun ke bawah. Kebanyakan kakitangan kami berkelulusan ijazah sarjana muda atau berkecualan lebih tinggi dengan 13% daripadanya adalah pemegang ijazah sarjana dan *Chartered Financial Analysts* yang bertauliah.

PROFIL KAKITANGAN 2019

Dari segi kepelbagaian, perwakilan perempuan lebih sedikit daripada lelaki merentasi organisasi dan dari segi campuran generasi, Generasi Y dan Z merangkumi tiga suku daripada warga kerja kami. Dalam konteks warga kerja baharu, kami mengambil kakitangan dari 10 industri yang berbeza pada tahun 2019 dengan jumlah tertinggi daripada institusi kewangan yang lain.

Jumlah tenaga kerja KWAP

610 KAKITANGAN

pada 31 Disember 2019



Purata perkhidmatan
4.54 tahun

PURATA UMUR (TAHUN)



34.73
Lelaki



34.12
Perempuan

PENGAGIHAN JANTINA (%)



48.69%
Lelaki



51.31%
Perempuan

Jumlah **297**

313

PENGAMBILAN & PENGANTIAN



84

Pengambilan



30

Pengurangan

JENIS PENGAMBILAN

Tetap 540 kakitangan	Kontrak 51 kakitangan
Pinjaman 19 kakitangan	Latihan Amali 7 kakitangan

PECAHAN KAKITANGAN BERDASARKAN LOKASI

Pejabat Kuala Lumpur
399 kakitangan

Pejabat Cyberjaya
208 kakitangan

Pejabat United Kingdom
3 kakitangan


PECAHAN KAKITANGAN BERDASARKAN SYARIKAT

KWAP
596 kakitangan

KWEST
11 kakitangan


PEUK
3 kakitangan

PENGAGIHAN SUMBER TENAGA MENGIKUT UMUR



Bawah 30	240
31 - 40	246
41 - 50	108
Atas 50	16

PENGAGIHAN MENGIKUT GENERASI



Baby Boomers	84
Generasi X	380
Generasi Y	141
Generasi Z	5

Memupuk Kakitangan Kami


SUMBER PENGAMBILAN BAHARU MENGIKUT INDUSTRI

	Institusi Kewangan	25 kakitangan
	Hartanah	2 kakitangan
	Perundingan	15 kakitangan
	Minyak & Gas	3 kakitangan
	Kerajaan	12 kakitangan
	Pendidikan	1 kakitangan
	Pembuatan	3 kakitangan
	Peruncitan	1 kakitangan
	Perkhidmatan	10 kakitangan
	Graduan baharu	12 kakitangan

**JUMLAH PENGAMBILAN
BAHARU**

84


PECAHAN MENGIKUT ETNIK



Jumlah

	Melayu	557
	Cina	26
	India	19
	Lain-lain	8

KELULUSAN PROFESIONAL



Jumlah

	Pasca Ijazah/Pemegang CFA Berkanun	83
	Kelulusan Ijazah/Profesional	307
	Diploma	194
	Sijil	26